

KOSMO – KHAMIS 30 MAC 2017

RUU lindungi kanak-kanak daripada jenayah seksual

PUTRAJAYA – Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Parlimen yang memberi sokongan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat kelmarin.

Rosmah yang merupakan Penaung Program Permata Negara (Permata) berharap agar RUU itu dapat diluluskan untuk diguna pakai bagi menghindari kejadian yang tidak diingini berlaku ke atas golongan kanak-kanak.

"Insyah-Allah (boleh diluluskan), sebab sekarang pembangkang pun sudah sokong, jadi tiada isu untuk mereka tidak luluskan RUU ini," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan



LEE LAM THYE

pelepasan peserta program Permata On Wheels di Seri Perdana di sini semalam.

RUU yang dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said bagi bacaan kali pertama kelmarin memperuntukkan kesalahan membabitkan pornografi kanak-kanak, pengantunan (*grooming*), serangan seksual fizikal dan bukan fizikal.

Mengikut RUU tersebut, mana-mana orang yang membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak boleh dikenakan hukuman penjarj se-lama tempoh tidak melebihi 30 tahun dan dihukum sebat tidak kurang enam sebat jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Naib Pengerusi

Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye dalam satu kenyataan berkata, pembentangan RUU itu merupakan mercu tanda perundangan dalam membanteras jenayah seksual kanak-kanak.

"Jenayah kanak-kanak sangat berluesa dan wujud sejak sekian lama disebabkan kelemahan undang-undang untuk menanganiinya secara berkesan.

"Jadi kita menyeru pihak berkuasa agar dapat memberikan publisiti menyeluruh mengenai undang-undang itu apabila ia diluluskan kelak," katanya.

Pensyarah Psikologi Klinikal Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Hilwa Abdullah Mohd. Nor pula berkata, golongan kanak-kanak perlu dilindungi memandangkan isu jenayah seksual terhadap mereka seperti pedofilia semakin berluesa.



ROSMAH (belakang, tengah) bergambar bersama kanak-kanak Permata pada program pelepasan peserta Permata On Wheels di Seri Perdana, Putrajaya semalam.